

WUJUDKAN PERPADUAN JAUHI PERPECAHAN

28 Oktober 2022

الْحَمْدُ لِلّٰهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللّٰهِ مِنْ شُرُورِ أَنفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِي اللّٰهُ فَلَا مُضِلٌّ لَهُ وَمَنْ يُضْلِلُ فَلَا هَادِيَ لَهُ.

وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلٰهَ إِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
اللّٰهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.
آمَّا بَعْدُ،

فِيَا عِبَادَ اللّٰهِ، إِتَّقُوا اللّٰهَ وَأُوصِيكُمْ وَإِيَّاهُ يُتَّقَوِّيُ اللّٰهُ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita bersama-sama meningkatkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah Subhanahu wa-Taala dengan bersungguh-sungguh melaksanakan segala suruhan dan menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita beroleh rahmat dan keredaan di dunia dan akhirat.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Taala,

Perpaduan dan keharmonian hidup di negara ini sangat dikagumi oleh banyak pihak. Ia adalah hasil daripada kebijaksanaan kepimpinan Islam di negara ini. Keharmonian dan kestabilan ini wajib kita pertahankan agar kita dapat terus mengecapi nikmat keamanan. Berdasarkan maqasid syariah, maka menjadi

tanggungjawab pemerintah kepada rakyat di negara ini untuk menjaga lima perkara iaitu; agama, nyawa, akal, keturunan dan harta.

Tidak lama lagi, kita akan mengundi dalam Pilihan Raya Umum ke-15 bagi menentukan pemimpin yang akan mencorak masa depan rakyat dan negara. Islam menetapkan bahawa hukum keluar mengundi adalah wajib bagi mereka yang layak khususnya orang Melayu yang beragama Islam. Lebih-lebih lagi bagi golongan muda, laksanakanlah tanggungjawab sebagai pengundi dengan sebaiknya dan hendaklah memastikan calon pemimpin yang kita undi tersebut adalah orang yang benar-benar mahu memartabatkan syariat Islam dan membela umat Islam khususnya orang Melayu serta mempertahankan institusi beraja. Janganlah sekali-kali memberi undi kepada calon yang membenci dan memusuhi Islam. Tujuannya adalah untuk menjaga agama Islam ini supaya ia terus ditadbir dan dimartabatkan oleh kepimpinan orang Islam sendiri di bawah pemerintahan Raja Berpelembagaan agar tidak berlaku pecah belah dalam kalangan kita. Firman Allah Subhanahu wa-Taala dalam surah an-Nisa' ayat 144:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَنِ الرَّجِيمِ
يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَنْخِذُوا أَلْكَافِرِينَ أَوْ لِيَاءَ مِنْ دُونِ الْمُؤْمِنِينَ أَتُرِيدُونَ أَنْ تَجْعَلُوا اللَّهَ
عَلَيْكُمْ سُلْطَانًا مُّبِينًا

Yang bermaksud: “*Wahai orang yang beriman, janganlah kamu menjadikan orang kafir sebagai pemimpin dengan orang yang beriman. Apakah kamu ingin mengadakan alasan yang terang nyata bagi Allah untuk menghukum (menyeksa) kamu!.*”

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Taala,

Marilah kita berganding bahu mewujudkan keharmonian dan perpaduan ukhwah Islamiah pada masa ini dalam kalangan kita. Semangat persaudaraan Islam dan sifat bertimbang rasa dengan pihak lain perlu diutamakan. Marilah kita bersama-sama berdoa kepada Allah Subhanahu wa-Taala agar dikenakan nikmat perpaduan dalam kalangan kita agar agama Islam ini terus terpelihara dan kedudukan syariat Islam di negara ini terus terjamin di bawah kepimpinan Islam dan naungan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong serta Raja-Raja Melayu. Dalam pilihan raya, kita semua mempunyai peranan yang penting untuk membela agama Allah sebagaimana firman-Nya dalam Surah Muhammad ayat 7:

يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِنْ تَنْصُرُوا اللَّهَ يَنْصُرُكُمْ وَيَئِسِّتُ أَقْدَامَكُمْ

Yang bermaksud: “*Wahai orang yang beriman, kalau kamu membela (agama) Allah nescaya Allah membela kamu (untuk mencapai kemenangan) dan meneguhkan tapak pendirian kamu.*”

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Taala,

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam mewajibkan kita mewujudkan perpaduan dalam kalangan umat Islam sebagaimana sabda Baginda dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari:

إِنَّ الْمُؤْمِنَ لِلْمُؤْمِنِ كَالْبُنْيَانِ يَشُدُّ بَعْضُهُ بَعْضًا وَشَبَّكَ أَصَابِعَهُ

Yang bermaksud: “*Sesungguhnya orang mukmin dengan mukmin yang lain seperti satu binaan saling mengukuh antara satu sama lain sambil Baginda menyilangkan jari-jemarinya.*”

Pilihan raya umum yang akan datang amat besar maknanya. Jika kita mengambil sikap sambil lewa atau tidak berfikir panjang membuat keputusan, kita khuatir, tampuk kepimpinan sesebuah kawasan Dewan Undangan Negeri, Parlimen, negeri dan seterusnya negara akan jatuh kepada pemimpin fasik yang tidak beriman dan bertakwa, rasuah, tidak amanah dan paling ditakuti tidak mempunyai semangat serta fikrah untuk menjaga kedaulatan institusi beraja.

Akibatnya, kedudukan agama Islam di negara ini makin terhakis, keharmonian tergugat, rakyat menjadi rosak dan negara tunggang-langgang. Na'uzubillah.

Sudah sampai masanya kita semua bersatu padu sehingga kita menjadi umat yang kuat dan digeruni. Pemimpin Islam juga wajiblah berintegriti dan dihormati. Barulah agama Islam sukar diganggu gugat apatah lagi dihina atau diperlekehkan sesuka hati oleh musuh-musuh Islam. Tidakkah kita mengambil iktibar atas isu-isu yang melanda kita selama ini. Sampai bilakah kita akan terus berpecah belah, yang akhirnya undi kita kalah dan memberi kemenangan kepada orang yang tidak beriman serta tidak mampu membantu orang Islam. Ingatlah, hendaklah kita semua berfikir sedalam-dalamnya dan membuat keputusan yang bijak dalam pilihan raya umum akan datang untuk memilih pemimpin yang diyakini mampu menjaga kedaulatan Islam dan bangsa Melayu serta institusi beraja.

Firman Allah Subhanahu wa-Taala dalam surah al-Anfal ayat 46:

وَأَطِيعُوا اللَّهَ وَرَسُولَهُ وَلَا تَنْزَعُوا فَتَفْشِلُوا وَتَذَهَّبَ رِيحُكُمْ وَأَصْبِرُوا
إِنَّ اللَّهَ مَعَ الصَّابِرِينَ

Yang bermaksud: “*dan taatlah kamu kepada Allah dan Rasul-Nya serta janganlah kamu berbantah-bantah yang menyebabkan kamu menjadi lemah semangat dan hilang kekuatan dan bersabarlah (menghadapi segala kesukaran dengan hati yang cekal). Sesungguhnya Allah bersama-sama orang yang sabar.*”

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْءَانِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ
الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتُهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ
الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ
الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.